

### TEACHERS' KNOWLEDGE TOWARDS STUDENT-CENTERED TEACHING IN THE EDUCATION OF TEACHERS IN ISLAMIC PRIMARY SCHOOLS

#### PENGETAHUAN GURU TERHADAP PENGAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH RENDAH

Norma Jusof<sup>1</sup> & Mohd Aderi Che Noh<sup>2</sup>

<sup>1</sup> (Corresponding author). Pelajar Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. normafattah@gmail.com

<sup>2</sup> Profesor Madya, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. aderi@ukm.edu.my

**Vol. 6. No. 1**  
**December Issue**  
**2019**

#### **Abstract**

*Quality learning will come about when a teacher has extensive knowledge and understanding of various methods in teaching. The subject of Islamic Education will be more meaningful and affective when the Islamic Education teacher is competent in applying the appropriate pedagogical approach. Hence, the researcher made a detailed study to identify the level of knowledge of Islamic Education teachers towards the teaching of student-centered teaching in primary schools. A total of 500 Islamic Education teachers from all over Peninsular Malaysia were chosen randomly as respondents for the study. This study uses the survey design approach and uses questionnaire. The sampling technique used is simple random. Descriptive statistics analysis using frequency, percentage, mean and standard deviation are used to determine the level of knowledge of student-centered teaching among Islamic Education teachers. The findings show that student-centered teaching knowledge in terms of definition, key principles, characteristics and advantages of student-centered teaching among Islamic Education teachers are at high levels. In conclusion, this study has implicated mainly on Islamic Education teachers, schools, policy makers, teachers and university education institutions and to its underlying theories and pedagogical practices, especially the pedagogy of Islamic Education.*

Keywords: *Learning, Knowledge, Teaching, Primary, Schools.*

#### **Abstrak**

*Pembelajaran yang berkualiti akan terhasil apabila seorang guru mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang luas tentang pelbagai kaedah dalam pengajaran. Mata pelajaran Pendidikan Islam akan lebih bermakna dan afektif apabila guru Pendidikan Islam cekap dalam menggunakan pendekatan pedagogi yang bersesuaian. Justeru, pengkaji membuat kajian terperinci untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran berpusatkan pelajar di sekolah rendah. Seramai 500 orang guru Pendidikan Islam daripada seluruh Semenanjung Malaysia dipilih secara rawak sebagai responden*

*kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk kajian tinjauan dan menggunakan soal selidik. Teknik pensampelan yang digunakan ialah rawak mudah. Analisis Statistik deskriptif menggunakan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap pengetahuan pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan pengajaran berpusatkan pelajar dari segi definisi, prinsip-prinsip utama, ciri-ciri dan kelebihan pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi. Kesimpulannya, kajian ini memberi implikasi terutamanya kepada guru Pendidikan Islam, pihak sekolah, penggubal dasar, institusi pendidikan guru dan universiti serta kepada teori yang mendasarinya dan amalan pedagogi terutamanya pedagogi Pendidikan Islam.*

*Kata kunci: Pembelajaran, Pengetahuan, pengajaran, Rendah, Sekolah.*

## **PENDAHULUAN**

Kepentingan pengajaran Pendidikan Islam bukan suatu perkara baru dan asing lagi. Ianya telah mula diperkenalkan semenjak perbincangan tentang paradigma baru kurikulum Pendidikan Islam seluruh dunia dalam sebuah konvesyen "The First Conference on Muslim Education" yang diadakan di Mekah pada tahun 1977 (Syed Ali Ashraf, 1994).

Sehubungan dengan itu, peranan guru dilihat amat penting dalam mendidik anak didiknya. Di dalam kelas guru berfungsi sebagai pendidik dan fasilitator. Guru yang menggunakan strategi dan kaedah pengajaran yang berkesan akan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep manakala guru yang sebaliknya akan menyebabkan objektif pengajaran dan pembelajaran (P&P) tidak tercapai. Selain itu perkembangan dan perubahan dalam kurikulum pendidikan Malaysia memungkinkan guru Pendidikan Islam mengubah amalan strategi pengajaran khususnya dan guru-guru lain amnya.

Strategi pengajaran yang digunakan oleh guru merupakan satu cara, langkah atau teknik yang akan membantu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas agar dapat menarik minat murid untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran. Penggunaan sesuatu kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran boleh mempengaruhi tahap keberkesanan

pengajaran (Tamam et al. 2010). Justeru, strategi pengajaran yang digunakan oleh guru akan memberikan impak yang berkesan kepada penerimaan pelajar serta akan mempengaruhi kejayaan pelajar. Pelaksanaan strategi pengajaran adalah amat penting bagi memastikan setiap pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Justeru, satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar yang dicadangkan boleh diamalkan oleh guru Pendidikan Islam agar pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam menjadi lebih menarik, tidak membosankan dan menyeronokkan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Guru Pendidikan Islam adalah kumpulan yang bertanggungjawab untuk melahirkan murid yang berminat dan suka kepada mata pelajaran Pendidikan Islam. Bagi pengkaji untuk membahaskan permasalahan kajian ini ia merupakan satu cabaran besar kerana kajian yang dijalankan sebelum ini hanya mengkaji tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah sahaja.

Antara kajian yang telah dilakukan adalah; Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Dan Guru Di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes Kamarul

Azmi Jasmi, Salleh & Norhafizah, 2013) dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Satu Ulasan Dalam pendidikan Semasa (Sabar Afifuddin Bin Ahmad Sobri, Mohd Taufek Bin Mohd Noh, Fatimah Zahra Binti A.Jamil, Zuazlina Binti Mohd Sadrif, 2010), Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia (Zakaria, A. 2011).

Namun begitu, terdapat satu keperluan untuk kajian ini di jalankan kerana murid-murid sekolah rendah seharusnya didedahkan dengan pendekatan berpusatkan pelajar bagi menyediakan mereka dengan suasana pembelajaran di sekolah menengah seterusnya di universiti yang mengarah kepada pembelajaran sendiri.

Pada tahun 2011, melalui kajian kualitatif yang dijalankan oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajian Tinggi tentang pengajaran guru di Malaysia mendapati sebanyak 125 siri pengajian di 41 buah sekolah di seluruh Malaysia, hanya 12% daripada pengajaran tersebut disampaikan pada standard yang tinggi, iaitu melaksanakan lebih banyak amalan terbaik pedagogi. Bahkan, kebanyakan guru Pendidikan Islam dikatakan masih menggunakan kaedah yang lebih berpusatkan guru (Shahabuddin et al 2007).

Mereka menggunakan kaedah konvensional yang dianggap pasif dalam pengajaran (Md Yussof et al. 2006, Hatifah 2000) seperti syarahan, hafalan, soal jawab, perbincangan dan kurang menggunakan sumber rujukan (Syed Najmuddin et al. 2009). Kegagalan guru menguasai kemahiran ilmu pedagogi ini akan menjadikan murid lebih bermasalah dalam menguasai topik pengajaran guru. (Abd Halim 2010).

Keadaan ini memungkinkan murid semakin tidak bermotivasi dan menjejaskan minat untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran (Pusat Perkembangan Kurikulum). Ekoran daripada itu dikhuatiri mata pelajaran Pendidikan Islam kurang mendapat tempat di hati murid-murid sebagai mata pelajaran yang diminati (Norhaya & Tuan

2006).

Kajian Mustapha Kamal Ahmad Kassim (2015) menunjukkan tahap profesionalisme GPI termasuklah pengetahuan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran adalah masih kurang memberangsangkan. Justeru, kebanyakan guru lebih cenderung kepada kaedah P&P yang lama dan konvensional. Pendekatan berpusatkan pelajar kurang dipraktikkan. Walaupun pelbagai latihan dalam perkhidmatan direka bentuk bagi mengatasi jurang ini, namun masih terdapat ruang bagi penambahbaikan latihan dalam perkhidmatan bagi guru-guru Pendidikan Islam agar meningkatkan profesionalisme guru. Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (muka surat 28) menunjukkan bahawa guru-guru secara umumnya hanya berjaya menyampaikan 50% pengajarannya secara berkesan.

Antara puncanya ialah cara penyampaian guru yang pasif. Senario ini menunjukkan latihan dalam perkhidmatan yang diperolehi oleh guru-guru di Malaysia kurang berperanan dalam usaha menambahbaik pengetahuan dan keupayaan guru dalam tugas mereka terutamanya pengajaran. Beberapa langkah mengatasi perlu diambil segera memandangkan lebih 60% guru pada hari ini akan mengajar untuk 20 tahun yang akan datang (Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025)

Pengiktirafan di peringkat global didapati lebih menumpukan kepada pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi bukan sekadar pemerolehan ilmu pengetahuan semata-mata (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012). Didapati isu perkaedahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah seringkali dipersoalkan oleh pelbagai pihak kerana ia berkaitan dengan penghayatan ilmu dan perubahan tingkah laku pelajar dalam kehidupan sebenar (Abdul Hafiz 2012).

Oleh itu, adalah menjadi keperluan kepada guru Pendidikan Islam mengaplikasi pembelajaran berpusatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam agar dapat membiasakan pelajar membina

kemahiran berfikir aras tinggi seperti mengaplikasi dan menaakul dalam kehidupan seharian seterusnya dapat mengamalkan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian.

### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut: Mengenal pasti tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan pengajaran berpusatkan pelajar.

### METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya, reka bentuk yang diguna pakai dalam kajian ini ialah tinjauan deskriptif yang menggunakan data kuantitatif sebagai data yang utama. Untuk mendapatkan data utama iaitu data kuantitatif, satu set soal selidik telah diubahsuai.

Walaupun secara amnya, teknik pensampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah pensampelan rawak mudah, namun bagi setiap peringkat kelompok, teknik pensampelan khusus digunakan. Pada peringkat pertama, sampel kajian distratakan kepada empat zon iaitu Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah dan Zon Selatan. Seterusnya, pengkaji memilih satu negeri bagi mewakili setiap zon secara rawak. Sampel kajian yang dipilih secara rawak membolehkan pengkaji membuat generalisasi secara tepat berkenaan dengan sesuatu populasi yang dikaji (Neuman 2002).

Setelah melakukan undian, negeri-negeri yang terpilih ialah zon utara diwakili oleh negeri Kedah, zon selatan diwakili oleh negeri Johor, zon tengah pula diwakili oleh negeri Selangor dan zon timur diwakili oleh negeri Kelantan.

### Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi ialah kumpulan sasaran penyelidik supaya sesuatu dapatan kajian dapat diaplikasikan (Fraenkel & Wallen, 1990). Dalam kajian ini, populasi kajian melibatkan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. Ia melibatkan seramai 500 orang GPI yang dipilih secara rawak berdasarkan rawak mudah.

Mereka terdiri dari guru lelaki dan perempuan. Lokasi sekolah terdiri dari sekolah di bandar dan di luar bandar di seluruh Semenanjung Malaysia.

Lokasi bandar dan di luar bandar merupakan kategori yang ditetapkan oleh pihak KPM dan juga Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Guru Pendidikan Islam dipilih kerana guru-guru ini dilihat berperanan besar sebagai *mursyid, murabbi, mu'addib, mu'allim dan mudarris* (Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah, 2009). Perincian jumlah saiz sampel diterangkan melalui jadual di bawah:

**Jadual 1.1 Perincian Penentuan Sampel**

Jumlah responden 500 GPI	Zon	Negeri
	Utara (18.5%)	Kedah (93 orang)
	Selatan (25.5%)	Johor (127 orang)
	Tengah (33.4%)	Selangor (167 orang)
	Timur (22.6%)	Kelantan (113 orang)
Total		500

### DAPATAN KAJIAN

Isi kandungan soal selidik yang dijalankan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian latar belakang responden, dan bahagian dapatan kajian.

### Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan seramai 500 orang guru Pendidikan Islam dengan pelbagai latar belakang seperti jantina, lokasi dan pengalaman mengajar. Huraian mengenai profil demografi kajian seperti berikut.

**Jadual 1.2 Profil Demografi kajian**

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	187	37.4
Perempuan	313	62.6
Lokasi		
Bandar	253	50.6
Luar bandar	247	49.4

Pengalaman		
Kurang 10 Tahun	168	33.6
10 hingga 20 Tahun	235	47.0
Lebih dari 20 Tahun	97	19.4
Akademik tertinggi		
Sarjana	27	5.4
Sarjana Muda	451	90.2
STPM	19	3.8
SPM	3	.6
Negeri		
Kedah	93	18.6
Johor	127	25.4
Kelantan	113	22.6
Selangor	167	33.4

Merujuk jadual 1.2 (Lampiran), seramai 500 guru Pendidikan Islam telah terpilih sebagai responden dalam kajian ini. Responden kajian ini terdiri daripada 187 orang (37.3%) guru lelaki dan seramai 313 orang (62.6%) guru perempuan. Bilangan guru perempuan lebih mendominasi jumlah guru lelaki seperti jadual 4.1 tersebut merupakan fenomena yang biasa dilihat di kebanyakan sekolah di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan lokasi sekolah menunjukkan seramai 253 orang (50.6%) guru sekolah bandar dan seramai 247 orang (49.4%) guru sekolah di luar bandar. Mengikut pengalaman menunjukkan seramai 168 orang (33.6%) guru berpengalaman mengajar kurang dari 10 tahun, seramai 235 orang (47.0%) guru berpengalaman mengajar 10 tahun hingga 20 tahun dan seramai 97 orang (19.4%) guru berpengalaman mengajar lebih dari 10 tahun.

Seterusnya berdasarkan akademik tertinggi menunjukkan seramai 27 orang (5.4%) guru dengan akademik Sarjana, seramai 451 orang (90.2%) guru dengan akademik Sarjana Muda, seramai 19 orang (3.8%) guru dengan akademik STPM dan seramai 3 orang (0.6%) guru dengan akademik SPM dan mengikut negeri pula menunjukkan seramai 93 orang (18.6%) guru di Negeri Kedah, seramai 127 orang (25.4%) guru di Negeri Johor, seramai 113 orang (22.6%) guru di Negeri Kelantan dan seramai 167 orang (33.4%) guru di Negeri Selangor.

### Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif ini akan melihatkan nilai min, peratusan, sisihan piawai untuk menentukan tahap pemboleh ubah kajian iaitu pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran berpusatkan pelajar. Penyelidik menggunakan jadual interpretasi skor min Jamil Ahmad (2002) sebagai panduan untuk menghuraikan data deskriptif. Bahagian ini akan menjawab persoalan pertama (PK1) kajian yang telah dinyatakan pada bahagian bab 1. Huraian mengenai hasil analisis dapatan kajian seperti berikut:

PK1: Apakah tahap pengetahuan pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam?

#### 1.1.1 Tahap Pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam

Analisis Statistik deskriptif menggunakan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap pengetahuan pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Sebanyak 33 item telah disediakan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan responden dalam pengajaran berpusatkan pelajar. Responden memberikan maklum balas berdasarkan skala Likert lima peringkat iaitu 1: Tidak Berpengetahuan (TB) 2: Kurang Berpengetahuan (KB), 3: Berpengetahuan Sederhana (BS), 4: Berpengetahuan 5: Sangat Berpengetahuan (SB).

#### Definisi Pengajaran Berpusatkan Pelajar

#### Jadual Tahap Pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dari Segi Definisi Pengajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam

No	Definisi pengajaran berpusatkan pelajar	TB	KP	BS	B	SB	Min	SP
1	Komunikasi dua hala antara guru dan pelajar.	.	8 (1.6%)	94 (18.8%)	251 (50.2%)	147 (29.4%)	4.07	0.74
2	Pelajar yang	1	9	118	272	100	3.92	0.72

mencari dan menentukan sumber dan bahan pengajaran mereka sendiri.	(0.2%)	(1.8%)	(23.6%)	(54.4%)	(20.0%)		
Memberi pilihan kepada murid jenis pengetahuan dan apa yang ingin dipelajari.	1 (0.2%)	19 (3.8%)	122 (24.4%)	240 (48.0%)	118 (23.6%)	3.91	0.80
Keseluruhan						3.97	0.57

Jadual 1.3 (Lampiran) menunjukkan bahawa item dalam definisi pengajaran berpusatkan pelajar yang mempunyai min yang paling tinggi ialah komunikasi dua hala antara guru dan pelajar (min = 4.07 dan sp = 0.74). Daripada kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 251 (50.2%) guru menyatakan berpengetahuan, seramai 147 (29.4%) guru menyatakan sangat berpengetahuan, seramai 94 (18.8%) guru menyatakan berpengetahuan sederhana dan seramai 8 (1.6%) guru menyatakan kurang pengetahuan.

Manakala item dengan min yang paling rendah ialah memberi pilihan kepada murid jenis pengetahuan dan apa yang ingin dipelajari (min = 3.91 dan sp = 0.80). Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 240 (48.0%) guru menyatakan berpengetahuan, seramai 122 (24.4%) guru menyatakan berpengetahuan sederhana, seramai 118 (23.6%) guru menyatakan sangat berpengetahuan, seramai 19 (3.8%) guru menyatakan kurang pengetahuan dan seramai 1 (0.2%) guru menyatakan tidak berpengetahuan.

Secara keseluruhannya menunjukkan pengetahuan pengajaran berpusatkan pelajar dari segi definisi pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi (min = 3.97 dan sp = 0.57).

### Prinsip-Prinsip Utama Pengajaran Berpusatkan Pelajar

#### Jadual Tahap Pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dari Segi Prinsip-Prinsip Utama Pengajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam

N	Prinsip-prinsip utama pengajaran berpusatkan	TB	KP	BS	B	SB	Mi	SP
o							n	

pelajar							
1	Daya berfikir pelajar diberi pertimbangan utama.	-	5 (1.0%)	76 (15.2%)	297 (59.4%)	122 (24.4%)	4.07 0.66
2	Memberi peluang kepada murid untuk mengembangkan minat.	-	6 (1.2%)	78 (15.6%)	284 (56.8%)	132 (26.4%)	4.08 0.68
3	Perbezaan individu mesti diberi pertimbangan.	2 (0.4%)	7 (1.4%)	160 (32.0%)	246 (49.2%)	85 (17.0%)	3.81 0.74
4	Konsep pembelajaran akses sendiri diberi keutamaan.	1 (0.2%)	12 (2.4%)	139 (27.8%)	285 (57.0%)	63 (12.6%)	3.79 0.69
Keseluruhan							3.94 0.51

Jadual 1.4 (Lampiran) menunjukkan bahawa item dalam prinsip-prinsip utama pengajaran berpusatkan pelajar yang mempunyai min yang paling tinggi ialah memberi peluang kepada murid untuk mengembangkan minat (min = 4.08 dan sp = 0.68). Daripada kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 284 (56.8%) guru menyatakan berpengetahuan, seramai 132 (26.4%) guru menyatakan sangat berpengetahuan, seramai 78 (15.6%) guru menyatakan berpengetahuan sederhana dan seramai 6 (1.2%) guru menyatakan kurang pengetahuan.

Manakala item dengan min yang paling rendah ialah konsep pembelajaran akses sendiri diberi keutamaan (min = 3.79 dan sp = 0.69). Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 285 (57.0%) guru menyatakan berpengetahuan, seramai 139 (27.8%) guru menyatakan berpengetahuan sederhana, seramai 63 (12.6%) guru menyatakan sangat berpengetahuan, seramai 12 (2.4%) guru menyatakan kurang pengetahuan dan seramai 1 (0.2%) guru menyatakan tidak berpengetahuan.

Secara keseluruhannya menunjukkan prinsip-prinsip utama pengajaran berpusatkan pelajar dari segi definisi pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi (min = 3.94 dan sp = 0.51).

### Ciri-Ciri Pengajaran Berpusatkan Guru

**Jadual Tahap Pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dari Segi Ciri-Ciri Pengajaran Berpusatkan Guru dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam**

No	Ciri-ciri pengajaran berpusatkan guru	TB	KP	BS	B	SB	Min	SP
1	Komunikasi dan interaksi di antara guru dan murid adalah secara dua hala.	-	14 (2.8%)	99 (19.8%)	223 (44.6%)	164 (32.8%)	4.0 7	0.8 0
2	Guru hanya bertindak sebagai fasilitator.	4 (0.8%)	22 (4.4%)	102 (20.4%)	280 (56.0%)	92 (18.4%)	3.8 7	0.7 9
3	Penglibatan murid lebih banyak dalam aktiviti bilik darjah.	1 (0.2%)	11 (2.2%)	110 (22.0%)	244 (48.8%)	134 (26.8%)	4.0 0	0.7 7
4	Lebih mengutamakan pencapaian objektif pembelajaran murid.	-	15 (3.0%)	96 (19.2%)	282 (56.4%)	107 (21.4%)	3.9 6	0.7 2
5	Mementingkan pengelolaan kaedah kumpulan. Keseluruhan	4 (0.8%)	19 (3.8%)	131 (26.2%)	223 (44.6%)	123 (24.6%)	3.8 8	0.8 5
							3.9 6	0.6 0

Jadual 1.5 (Lampiran) menunjukkan bahawa item dalam ciri-ciri pengajaran berpusatkan guru yang mempunyai min yang paling tinggi ialah komunikasi dan interaksi di antara guru dan murid adalah secara dua hala (min = 4.07 dan sp = 0.80). Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 223 (44.6%) guru menyatakan berpengetahuan, seramai 164 (32.8%) guru menyatakan sangat berpengetahuan, seramai 99 (19.8%) guru menyatakan berpengetahuan sederhana dan seramai 14 (2.8%) guru menyatakan kurang pengetahuan.

Manakala item dengan min yang paling rendah ialah guru hanya bertindak sebagai fasilitator (min = 3.87 dan sp = 0.79). Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 280 (56.0%) guru menyatakan berpengetahuan, seramai 102 (20.4%) guru menyatakan berpengetahuan sederhana, seramai 92 (18.4%) guru menyatakan sangat berpengetahuan, seramai 22 (4.4%) guru menyatakan kurang pengetahuan dan seramai 4 (0.8%) guru menyatakan tidak

berpengetahuan.

Secara keseluruhannya menunjukkan ciri-ciri pengajaran berpusatkan guru dari segi definisi pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi (min = 3.96 dan sp = 0.60).

### Kelebihan Pengajaran Berpusatkan Pelajar

**Jadual Tahap Pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dari Segi Kelebihan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam**

No	Kelebihan pengajaran berpusatkan pelajar	TB	KP	BS	B	SB	Min	SP
1	Bentuk baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KSSR.	3 (0.6%)	9 (1.8%)	97 (19.4%)	273 (54.6%)	118 (23.6%)	3.9 9	0.7 5
2	Aktiviti pengajaran berpusatkan pelajar sesuai dengan pembelajaran Pendidikan Islam KSSR.	3 (0.6%)	5 (1.0%)	130 (26.0%)	243 (48.6%)	119 (23.8%)	3.9 4	0.7 7
3	Pengajaran berpusatkan pelajar menggalakkan kreativiti murid.	2 (0.4%)	4 (0.8%)	96 (19.2%)	293 (58.6%)	105 (21.0%)	3.9 9	0.6 9
4	Pengajaran berpusatkan pelajar menggalakkan murid meneroka sesuatu situasi.	2 (0.4%)	4 (0.8%)	107 (21.4%)	246 (49.2%)	141 (28.2%)	4.0 4	0.7 5
5	Murid lebih mudah memahami apa yang mereka pelajari.	2 (0.4%)	3 (0.6%)	97 (19.4%)	276 (55.2%)	122 (24.4%)	4.0 3	0.7 1
6	Memperkembangkan kemahiran pemikiran kritis serta kreatif murid.	1 (0.2%)	2 (0.4%)	124 (24.8%)	245 (49.0%)	128 (25.6%)	3.9 9	0.7 3
7	Memberi peluang kepada murid untuk belajar secara individu, kumpulan dan kelas.	3 (0.6%)	3 (0.6%)	96 (19.2%)	288 (57.6%)	110 (22.0%)	4.0 0	0.7 0
8	Mengalakkan murid menggunakan pengetahuan dan kemahiran sendiri.	2 (0.4%)	4 (0.8%)	117 (23.4%)	270 (54.0%)	107 (21.4%)	3.9 5	0.7 2
9	Mewujudkan prosedur pemantauan agar murid bertanggungjawab ke atas apa yang mereka pelajari.	1 (0.2%)	4 (0.8%)	137 (27.4%)	278 (55.6%)	80 (16.0%)	3.8 6	0.6 8
10	Menentukan kriteria penilaian secara kolaboratif antara guru dan murid. Keseluruhan	1 (0.2%)	7 (1.4%)	132 (26.4%)	280 (56.0%)	80 (16.0%)	3.8 6	0.6 9
							3.9 7	0.5 1

Jadual 1.6 (Lampiran) menunjukkan bahawa item dalam kelebihan pengajaran berpusatkan pelajar yang mempunyai min yang paling tinggi ialah pengajaran berpusatkan pelajar menggalakkan murid meneroka sesuatu situasi (min = 4.04 dan sp = 0.75). Daripada kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 246 (49.2%) guru menyatakan berpengetahuan, seramai 141 (28.2%) guru menyatakan sangat berpengetahuan, seramai 107 (21.4%)

guru menyatakan berpengetahuan sederhana, seramai 4 (0.8%) guru menyatakan kurang pengetahuan dan seramai 2 (0.4%) guru menyatakan tidak berpengetahuan.

Manakala item dengan min yang paling rendah ialah mewujudkan prosedur pemantauan agar murid bertanggungjawab ke atas apa yang mereka pelajari (min = 3.86 dan sp = 0.68). Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 278 (55.6%) guru menyatakan berpengetahuan, seramai 137 (27.4%) guru menyatakan berpengetahuan sederhana, seramai 80 (16.0%) guru menyatakan sangat berpengetahuan, seramai 4 (0.8%) guru menyatakan kurang pengetahuan dan seramai 1 (0.2%) guru menyatakan tidak berpengetahuan dan juga bagi item menentukan kriteria penilaian secara kolaboratif antara guru dan murid (min = 3.86 dan sp = 0.69).

Daripada kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 280 (56.0%) guru menyatakan berpengetahuan, seramai 132 (26.4%) guru menyatakan berpengetahuan sederhana, seramai 80 (16.0%) guru menyatakan sangat berpengetahuan, seramai 7 (1.4%) guru menyatakan kurang pengetahuan dan seramai 1 (0.2%) guru menyatakan tidak berpengetahuan. Secara keseluruhannya menunjukkan kelebihan pengajaran berpusatkan pelajar dari segi definisi pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi (min = 3.97 dan sp = 0.51).

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa tahap pengetahuan pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam dihuraikan seperti berikut.

**Jadual Tahap pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam**

No	Pengetahuan pengajaran berpusatkan pelajar	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Definisi pengajaran berpusatkan pelajar	3.97	0.57	Tinggi
2	Prinsip-prinsip utama pengajaran berpusatkan	3.96	0.67	Tinggi

3	pelajar Ciri-ciri pengajaran berpusatkan pelajar	3.96	0.60	Tinggi
4	Kelebihan pengajaran berpusatkan pelajar	3.97	0.51	Tinggi
	Keseluruhan	3.96	0.47	Tinggi

Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pengetahuan pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi (min = 3.96 dan sp = 0.47). Aspek yang mempunyai min yang paling tinggi ialah definisi pengajaran berpusatkan pelajar (min = 3.97 dan sp = 0.57) dan kelebihan pengajaran berpusatkan pelajar (min = 3.97 dan sp = 0.51). Seterusnya diikuti oleh prinsip-prinsip utama pengajaran berpusatkan pelajar (min = 3.96 dan sp = 0.67) dan ciri-ciri pengajaran berpusatkan pelajar (min = 3.96 dan sp = 0.60).

## PERBINCANGAN

### Pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam

Melalui analisis yang telah dijalankan, hasil kajian mendapati tahap pengetahuan guru tentang pengajaran berpusatkan pelajar berada pada tahap tinggi. Nilai min purata keseluruhan bagi aspek pengetahuan guru adalah ( min= 3.96). Oleh yang demikian, konstruk pengetahuan guru bagi 33 item juga berada pada tahap tinggi.

Bagi aspek berpengetahuan guru mengenai definisi pengajaran berpusatkan pelajar berada pada tahap tinggi dengan bacaan nilai (min=3.97). Dengan mengetahui definisi tersebut, menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam memahami definisi pengajaran berpusatkan pelajar dan mengetahui cara pelaksanaannya.

Selari dengan pandangan Esah et al. (2004), sekiranya guru memilih untuk menggunakan sesuatu pendekatan, guru tersebut harus mengetahui dan memahami definisi kaedah yang hendak digunakan. Ini akan membantu guru bagi meningkatkan keberkesanan penggunaan pendekatan tersebut kerana mereka dapat mengetahui kesesuaian pendekatan yang dilaksanakan mengikut

topik dan tema yang betul. Bertepatan dengan pernyataan tersebut, guru Pendidikan Islam selaku pelaksana yang akan menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar perlu mengetahui definisi pendekatan ini terlebih dahulu. Bukan itu sahaja, pengetahuan mengenai teori, ciri-ciri, model dan beberapa perkara asas perlu diberi penekanan agar penggunaan pendekatan ini lebih berkesan.

Kenyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Kamarul Azmi et al. (2007) bahawa pembelajaran yang berkualiti akan terhasil apabila guru mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang luas tentang teknik atau kaedah pengajaran yang hendak digunakan.

Namun begitu, didapati dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Jamilah dan Zamri (2014) yang dijalankan di tiga buah daerah di Kelantan mendapati tahap pengetahuan terhadap PBP dalam kalangan guru Bahasa Melayu adalah sederhana dengan nilai min keseluruhan (min=2.63). Semua item berkaitan definisi, teori dan pengetahuan asas PBP berada pada tahap sederhana. Hanya item berkaitan peranan guru dalam PBP hanyalah sebagai fasilitator berada pada tahap tinggi dengan skor min (min=3.69, sp=0.70).

Dapatan kajian juga turut menjelaskan tahap pengetahuan yang tinggi pada aspek kelebihan melaksanakan pengajaran berpusatkan pelajar dengan bacaan nilai (min= 3.97). Selari dengan kajian Kamaruzaman et al. (2003) guru Pendidikan Islam perlu melengkapkan diri dengan menguasai kelebihan dalam menggunakan sesuatu kaedah pengajaran yang bakal digunakan. Mereka perlu mengetahui tentang definisi, teori, ciri-ciri dan beberapa perkara yang terkandung dalam pengajaran berpusatkan pelajar.

Bertepatan dengan hasil kajian Salcedo (2002) Droscher (2006) dan Schon et al. (2007) apabila mereka mendapati penggunaan pendekatan hiburan yang mana ianya merupakan salah satu bentuk pengajaran berpusatkan pelajar dalam pengajaran sangat membantu dan mempunyai

kelebihan dalam meningkatkan kefahaman murid. Malahan dalam beberapa kajian di Malaysia (Robiah & Siti 2008); Nor Azlinah 2010; Mohd Izzuddin 2011; Maimon 2011; Siti Faizzatul et al. 2011) yang melibatkan pendekatan Didik Hibur mengenai kesan positifnya telah lama diperkatakan.

Dapatan kajian juga mendapati tahap pengetahuan guru mengenai aspek prinsip-prinsip utama pengajaran berpusatkan pelajar berada pada tahap tinggi dengan bacaan nilai (min= 3.96). Dapatan ini memberangsangkan. Ianya selari dengan pandangan Abdullah Nasih Ulwan (1988) yang menyatakan bahawa, aspek pengetahuan merupakan salah satu syarat utama seorang guru Pendidikan Islam. Pengetahuan guru terhadap ilmu yang ingin diajar serta pengetahuan pedagoginya hendaklah sentiasa dikukuhkan secara berterusan agar kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dapat ditingkatkan. Ini bermaksud GPI haruslah berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan semua termasuk kaedah PBP yang merangkumi ciri-ciri dan prinsip-prinsip utama PBP yang mana PBP amat ditekankan dalam transformasi Pendidikan dalam PPPM 2013-2025.

Menurut Ahmad Salleh (2011) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, guru yang hendak menggunakan teknik bercerita yang mana merupakan salah satu kaedah pengajaran dalam PBP perlu mempunyai pengetahuan dan menguasai prinsip-prinsip pengajaran PBP untuk disesuaikan dengan pendengarnya. Sekiranya guru tidak menguasai kemahiran teknik bercerita yang bakal digunakan, bimbang ia menjadi sia-sia kerana aktiviti tersebut tidak meninggalkan kesan kepada murid-murid.

Ini berpunca daripada pengajaran guru yang stereotaip mengakibatkan pembelajaran kaku, hambar dan kurang memberangsangkan. Faizah (1994) menyarankan guru perlu menguasai pengetahuan dan beberapa kemahiran dalam menyampaikan cerita kepada murid bagi mendapat kesan yang

maksimum.

Analisis yang dijalankan menunjukkan guru mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dari aspek ciri-ciri pengajaran berpusatkan pelajar dengan bacaan nilai (min=3.96). Kesemua ciri-ciri tersebut berada pada tahap tinggi. Ini menggambarkan guru-guru tersebut perlu menguasai pengetahuan tentang ciri-ciri yang terkandung dalam pengajaran berpusatkan pelajar agar mereka dapat menggunakan pendekatan ini dengan lebih berkesan. Ianya selari dengan pandangan Abdullah Nasih Ulwan (1988), aspek pengetahuan merupakan salah satu syarat utama seorang guru Pendidikan Islam. Pengetahuan guru terhadap ilmu yang ingin diajar serta pengetahuan pedagoginya hendaklah sentiasa dikukuhkan secara berterusan agar kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dapat ditingkatkan. Ini bermaksud GPI haruslah berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan terutamanya dalam mendalami pengetahuan pengajaran berpusatkan guru termasuklah aspek ciri-ciri pengajaran berpusatkan pelajar sebagaimana yang ditekankan dalam transformasi Pendidikan dalam PPPM 2013-2025.

Dapatan ini diperkukuhkan lagi oleh (Kamarul Azmi et al. (2007) bahawa pembelajaran yang berkualiti akan terhasil apabila guru mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang luas tentang satu-satu teknik, pendekatan atau kaedah pengajaran yang hendak digunakan. Justeru, penguasaan dan pengetahuan guru mengenai ciri-ciri pengajaran berpusatkan pelajar ini amat penting bagi melihat keberkesanan penggunaannya dalam membantu murid.

Namun begitu, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Kartini Khalid (2008) ke atas tahap pengetahuan teknik bercerita guru-guru prasekolah di negeri Kedah yang mendapati mereka kurang berpengetahuan dari segi penggunaan kaedah Didik Hibur yang mana kaedah Didik Hibur adalah salah satu daripada pendekatan berpusatkan pelajar. Lebih separuh daripada responden selalu

menggunakan kaedah bercerita, ia bertepatan dan amat sesuai dengan cara pembelajaran kanak-kanak. Beliau berpandangan bahawa latihan dan pengetahuan yang diperoleh melalui kursus-kursus sangat membantu dalam melaksanakan aktiviti bercerita di dalam kelas. Justeru, tambah Rozaiman Makmun et al. (2011) pula, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti pembelajaran hendaklah diubah kepada cara yang lebih inovatif, proaktif dan dinamik dan perlu melalui penguasaan pengetahuan pedagogi oleh seseorang guru.

Sebagai kesimpulannya, pengetahuan mengenai pengajaran berpusatkan pelajar ini amat diperlukan agar guru-guru dapat menggunakannya dengan betul, apatah lagi mereka jarang menggunakannya dalam pengajaran. Malah, antara kerelevanan pendekatan ini diguna pakai adalah sebagai alternatif untuk mengukuhkan kefahaman murid terhadap pengajaran guru. Secara tidak langsung, mata pelajaran Pendidikan Islam yang dikatakan jumud dan bosan dapat diatasi.

Bukan sekadar itu, Mohammad (2003) turut mencadangkan agar latihan dan kursus perguruan bagi guru-guru pelatih patut diberikan agar dapat melahirkan guru-guru Pendidikan Islam yang lebih berkualiti. Penekanan kepada pengetahuan pengajaran berpusatkan pelajar harus diberi keutamaan walaupun dapatan kajian berada pada tahap tinggi namun item-item yang terdapat dalam konstruk pengetahuan masih perlu dan harus diberi perhatian.

### **Cadangan-Cadangan Pelaksanaan**

Berdasarkan kepada dapatan kajian dan perbincangan yang telah dibuat, terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan pelaksanaan pengajaran berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di sekolah rendah kebangsaan. Antara cadangan iaitu;

1. Bagi memantapkan lagi pengetahuan GPI dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan PBP dalam Pendidikan Islam, GPI perlu diberi lebih latihan dan kursus terutama kursus dalam

perkhidmatan (KDP) berkaitan dengan perubahan yang terdapat di dalam Kurikulum Pendidikan Islam. Dalam kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan guru berada pada tahap min yang tidak sampai 4.00 bacaan nilai. Oleh itu latihan dan kursus perlu diperkemas dan diperluaskan secara kerjasama antara KPM, Institusi Pendidikan Guru (IPG), Fakulti pendidikan di Universiti-Universiti Tempatan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan juga pihak sekolah sendiri yang berbentuk kursus-kursus pendek atau latihan kemajuan staf (LKS) bagi meningkatkan lagi kefahaman mereka. Pendedahan yang sama juga hendaklah diberi kepada bakal-bakal guru yang sedang mengikuti program Ijazah Pendidikan dan Diploma Pendidikan Islam disemua universiti dan juga IPG seluruh Malaysia.

2. GPI hendaklah didedahkan dengan sepenuhnya semua perkara yang berkaitan PBP dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Berbagai modul dan risalah yang berkaitan dengan pelaksanaan PBP hendaklah disediakan sebagai bahan rujukan dan bacaan kepada GPI. Pendedahan kepada GPI bentuk pelaksanaan penggunaan kaedah dan teknik berasaskan PBP seperti kaedah lawatan, pengajaran berasaskan komputer dan laman web, perbincangan, soal jawab, kuiz, tayangan video, inkuiri, perbahasan dan lain-lain bentuk kaedah yang berfokuskan aktiviti pelajar di dalam bilik darjah. Melalui pendedahan dan kursus yang diadakan, membolehkan GPI menimba pengetahuan dan pengalaman berkaitan dengan penggunaan kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Selain daripada itu, mereka jug

perlu diberi pendedahan bagi mencipta BBM yang kreatif berasaskan kepada prinsip inovatif dan kreatif dalam pendidikan. Sehubungan itu kajian-kajian berkaitan dengan pembinaan modul-modul dan model-model pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan dengan segera bagi memantapkan lagi kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Semua ini boleh dilakukan secara usahasama dengan pihak universiti-universiti tempatan, IPG dan KPM.

3. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bukan sahaja berlaku di dalam bilik darjah semata-mata bahkan di luar bilik darjah. Oleh itu kemudahan pembelajaran di luar bilik darjah juga perlu dipertingkatkan di semua sekolah, khususnya di sekolah-sekolah rendah bagi menggalakkan aktiviti pembelajaran pembelajaran Pendidikan Islam di luar bilik darjah. Hasil dari pemerhatian dan juga pengalaman pengkaji menunjukkan masih terdapat sekolah-sekolah khususnya sekolah rendah kebangsaan yang tidak mempunyai kemudahan pembelajaran di luar bilik darjah yang sempurna dan sesuai untuk tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran.
4. Budaya penyelidikan hendaklah diterapkan kepada GPI. Sehubungan itu dicadangkan agar pihak sekolah atau PPD atau KPM khususnya pihak BPI mengadakan siri kursus penyelidikan terutama kajian tindakan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kursus seperti ini boleh juga dilaksanakan secara usahasama antara pihak universiti tempatan dengan KPM. Dengan ini secara tidak langsung dapat membantu GPI mendapat maklumat berkaitan dengan cara pelaksanaan

pengajaran dan pembelajaran dengan lebih jelas dan tepat. Tujuannya ialah bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam khususnya dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan PBP.

#### RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan. 2010. *Pendidikan anak-anak dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (ter) Singapore: Pustaka Nasional.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar Ismail. 2012. *Memperkasakan Jati Diri Melayu Medium Menerusi Pendidikan Islam dalam Pengajaran Akhlak*. Jurnal Hadhari Special Edition 23-35.
- Abdul Halim & Zarin Ismail. 2006. *Model guru Pendidikan Islam: Konsep 5M*. Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, UKM, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam & Moral Jabatan Pendidikan Islam & Moral, KPM.
- Ahmad Mohd Salleh. 2011. *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Islam*. Edisi kedua. KPLI Pengajian Islam J-QAF. Siri Pendidikan Guru. Oxford Fajar.
- Esah Sulaiman. 2003. *Modul Pengajaran: Asas Pedagogi*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Esah Sulaiman. 2004. *Pengenalan Pedagogi*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Faizah Sulaiman. 1994. *Strategi Pendidikan Bahasa Melayu: Teknik Bercerita Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Bahasa, Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Fraenkel, J.R and Wallen, N.E. 1996. *How to Design and Evaluate Research*. USA: Mc. Fraw-Hill Inc
- Fraenkel, J.R and Wallen, N.E. 1996. *How to Design and Evaluate Research*. USA: Mc. Fraw-Hill Inc
- Jamilah Hassan & Zamri Mahamod. 2014. *Pengetahuan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Menggunakan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam pengajaran Komsas*. Dlm Zamri mahamod (pnyt), Yahya Othman (pnyt) dan Jamaludin Badusah (pnyt). Seminar Pendidikan Bahasa Melayu & Pendidikan kesusasteraan Melayu Kali Ketiga.
- Kamarul Azmi &, Norhafizah Salleh. 2013. *Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Dalam : 3rd International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013]], 6th - 7th April 2013, EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah. (2009). Sifat dan peranan keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan hubungannya dengan motivasi pelajar. Jurnal Teknologi, 51(E), 57-71.
- Kartini Khalid. 2006. *Pelaksanaan Strategi Bercerita di Kalangan Guru-Guru*. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Laporan awal Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Maimon Abdul Latif. 2009. *Mengatasi Kelemahan Membaca Perkataan Yang Melibatkan Diftong Dan Vokal*

- Berganding Dengan Lagu*. Dijalankan di SK Sultan Omar Dungun, Terengganu Darul Iman. Kajian Tindakan.
- Mohd Izzuddin Akmal Bin Rusmin. 2011. *Keberkesanan Nyanyian Melodi Ria Untuk Meningkatkan Kemahiran Mengingat Nama 10 Malaikat Bagi Murid Tahun 2 Delima Sk Kampung Gemuroh*. Kuala Terengganu. Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.
- Mustapha Kamal Ahmad Kassim. 2015. *Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Tamadun Islam Di Institut Pendidikan Guru Malaysia Di Lembah Klang : Kajian Kaedah Dan Keberkesanannya* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rozaiman Makmun, Zamri Mahamod, Noor Izam Mohd Taib & A. Rahman Haron. 2011. *Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan Kesusasteraan Melayu: Peranan Guru Sastera Dalam Spn 21 (Technological Pedagogical Content Knowledge In Malay Literature: The Roles Of Malay Literature Teachers In SPN 21)* . Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Malay Language Education (MyLEJ)1 (2): 85-98.
- Sabar Afifuddin Bin Ahmad Sobri, Mohd Taufek Bin Mohd Noh, Fatimah Zahra Binti A.Jamil, Zuazlina Binti Mohd Sadri. 2010. *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Satu Ulasan Dalam Pendidikan Semasa*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Shahabuddin Hashim, et al. 2007. *Pedagogi, Strategi Dan Metod Mengajar Dengan Berkesan*.
- Schon, D. Moreno, S & Besson, M. 2007. *Songs as an Aid for Language Acquisition*. Canada: Universite de Montreal.
- Syed Ali Asyraf. 1994. *Horizon Baru Dalam Pendidikan Islam*. Terj. Ismail Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ali Asyraf. 1997. *Whats Makes a Good Teacher of Religious Education*. Muslim Education Quarterly 14(13):1-3.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab.Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd Sabri Mamat. 2008. *Guru Bahasa Arab Terlatih di Sekolah: Satu Keperluan di Malaysia*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6: Pendidikan Islam Teras Pembangunan Modal Insan, hlm.555-569.
- Zakaria, A. 2011. *Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*

**LAMPIRAN JADUAL**

**Jadual 1.1 Perincian Penentuan Sampel**

Jumlah responden 500 GPI	Zon	Negeri
	Utara (18.5%)	Kedah (93 orang)
	Selatan (25.5%)	Johor (127 orang)
	Tengah (33.4%)	Selangor (167 orang)
	Timur (22.6%)	Kelantan (113 orang)
Total		500

**Jadual 1.2 Profil Demografi Kajian**

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	187	37.4
Perempuan	313	62.6
Lokasi		
Bandar	253	50.6
Luar bandar	247	49.4
Pengalaman		
Kurang 10 Tahun	168	33.6
10 hingga 20 Tahun	235	47.0
Lebih dari 20 Tahun	97	19.4
Akademik tertinggi		
Sarjana	27	5.4
Sarjana Muda	451	90.2
STPM	19	3.8
SPM	3	.6
Negeri		
Kedah	93	18.6
Johor	127	25.4
Kelantan	113	22.6
Selangor	167	33.4

**Jadual 1.3 Tahap Pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dari Segi Definisi Pengajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam**

No	Definisi pengajaran berpusatkan pelajar	TB	KP	BS	B	SB	Min	SP
1	Komunikasi dua hala antara guru dan pelajar.	-	8 (1.6%)	94 (18.8%)	251 (50.2%)	147 (29.4%)	4.07	0.74
2	Pelajar yang mencari dan menentukan sumber dan bahan pengajaran mereka sendiri.	1 (0.2%)	9 (1.8%)	118 (23.6%)	272 (54.4%)	100 (20.0%)	3.92	0.72
3	Memberi pilihan kepada murid jenis pengetahuan dan apa yang ingin dipelajari.	1 (0.2%)	19 (3.8%)	122 (24.4%)	240 (48.0%)	118 (23.6%)	3.91	0.80
<b>Keseluruhan</b>							<b>3.97</b>	<b>0.57</b>

**Jadual 1.4 Tahap Pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dari Segi Prinsip-Prinsip Utama Pengajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam**

No	Prinsip-prinsip utama pengajaran berpusatkan pelajar	TB	KP	BS	B	SB	Min	SP
1	Daya berfikir pelajar diberi pertimbangan utama.	-	5 (1.0%)	76 (15.2%)	297 (59.4%)	122 (24.4%)	4.07	0.66
2	Memberi peluang kepada murid untuk mengembangkan minat.	-	6 (1.2%)	78 (15.6%)	284 (56.8%)	132 (26.4%)	4.08	0.68
3	Perbezaan individu mesti diberi pertimbangan.	2 (0.4%)	7 (1.4%)	160 (32.0%)	246 (49.2%)	85 (17.0%)	3.81	0.74
4	Konsep pembelajaran akses sendiri diberi keutamaan.	1 (0.2%)	12 (2.4%)	139 (27.8%)	285 (57.0%)	63 (12.6%)	3.79	0.69
<b>Keseluruhan</b>							<b>3.94</b>	<b>0.51</b>

**Jadual 1.5 Tahap Pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dari Segi Ciri-Ciri Pengajaran Berpusatkan Guru dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam**

No	Ciri-ciri pengajaran berpusatkan guru	TB	KP	BS	B	SB	Min	SP
1	Komunikasi dan interaksi di antara guru dan murid adalah secara dua hala.	-	14 (2.8%)	99 (19.8%)	223 (44.6%)	164 (32.8%)	4.07	0.80
2	Guru hanya bertindak sebagai fasilitator.	4 (0.8%)	22 (4.4%)	102 (20.4%)	280 (56.0%)	92 (18.4%)	3.87	0.79
3	Penglibatan murid lebih banyak dalam aktiviti bilik darjah.	1 (0.2%)	11 (2.2%)	110 (22.0%)	244 (48.8%)	134 (26.8%)	4.00	0.77
4	Lebih mengutamakan pencapaian objektif pembelajaran murid.	-	15 (3.0%)	96 (19.2%)	282 (56.4%)	107 (21.4%)	3.96	0.72
5	Mementingkan pengelolaan kaedah kumpulan.	4 (0.8%)	19 (3.8%)	131 (26.2%)	223 (44.6%)	123 (24.6%)	3.88	0.85
<b>Keseluruhan</b>							<b>3.96</b>	<b>0.60</b>

**Jadual 1.6 Tahap Pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dari Segi Kelebihan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam**

No	Kelebihan pengajaran berpusatkan pelajar	TB	KP	BS	B	SB	Min	SP
1	Bentuk baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KSSR.	3 (0.6%)	9 (1.8%)	97 (19.4%)	273 (54.6%)	118 (23.6%)	3.99	0.75
2	Aktiviti pengajaran berpusatkan pelajar sesuai dengan pembelajaran Pendidikan Islam KSSR.	3 (0.6%)	5 (1.0%)	130 (26.0%)	243 (48.6%)	119 (23.8%)	3.94	0.77
3	Pengajaran berpusatkan pelajar menggalakkan kreativiti murid.	2 (0.4%)	4 (0.8%)	96 (19.2%)	293 (58.6%)	105 (21.0%)	3.99	0.69
4	Pengajaran berpusatkan pelajar menggalakkan murid meneroka sesuatu situasi.	2 (0.4%)	4 (0.8%)	107 (21.4%)	246 (49.2%)	141 (28.2%)	4.04	0.75
5	Murid lebih mudah memahami apa yang mereka pelajari.	2 (0.4%)	3 (0.6%)	97 (19.4%)	276 (55.2%)	122 (24.4%)	4.03	0.71
6	Memperkembangkan kemahiran pemikiran kritis serta kreatif murid.	1 (0.2%)	2 (0.4%)	124 (24.8%)	245 (49.0%)	128 (25.6%)	3.99	0.73
7	Memberi peluang kepada murid untuk belajar secara individu, kumpulan dan kelas.	3 (0.6%)	3 (0.6%)	96 (19.2%)	288 (57.6%)	110 (22.0%)	4.00	0.70
8	Menggalakkan murid menggunakan pengetahuan dan kemahiran sendiri.	2 (0.4%)	4 (0.8%)	117 (23.4%)	270 (54.0%)	107 (21.4%)	3.95	0.72
9	Mewujudkan prosedur pemantauan agar murid bertanggungjawab ke atas apa yang mereka pelajari.	1 (0.2%)	4 (0.8%)	137 (27.4%)	278 (55.6%)	80 (16.0%)	3.86	0.68
10	Menentukan kriteria penilaian secara kolaboratif antara guru dan murid.	1 (0.2%)	7 (1.4%)	132 (26.4%)	280 (56.0%)	80 (16.0%)	3.86	0.69
<b>Keseluruhan</b>							<b>3.97</b>	<b>0.51</b>

**Jadual 1.7 Tahap pengetahuan Pengajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam**

No	Pengetahuan pengajaran berpusatkan pelajar	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Definisi pengajaran berpusatkan pelajar	3.97	0.57	Tinggi
2	Prinsip-prinsip utama pengajaran berpusatkan pelajar	3.96	0.67	Tinggi
3	Ciri-ciri pengajaran berpusatkan pelajar	3.96	0.60	Tinggi
4	Kelebihan pengajaran berpusatkan pelajar	3.97	0.51	Tinggi
	Keseluruhan	3.96	0.47	Tinggi